

## Berniaga atau berhenti!

# Dr M beri kata dua pada Menteri



DATUK SERI DR MAHATHIR

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

**SUNGAI PETANI, Jumaat** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran akan membenarkan Menteri-Menteri Kabinet dan anggota kerajaan yang terus bergiat cergas dalam perniagaan.

Perdana Menteri memberi kata dua kepada mereka sama ada untk terus berniaga atau dengan kerajinan, tetapi tidak boleh mengambil ke-duanya sekali.

"Jika saya mendapat bukti bahawa mereka tidak mematuhi arahan ini, saya tidak teragak-agak untuk membenarkan mereka," tegas beliau ketika merasmikan meyyuarat perwakilan Umno Bahagian Sungai Petani, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak teragak-agak, jika perlu untuk mendahikan mereka kepada khalayak ramai.

Beliau kesal kerana masih ada di kalangan mereka yang mencampur-adukkan tugas sebagai anggota kerajaan dengan dunia perniagaan.

"Sebagai anggota kerajaan, tegasnya, mereka sudah menikmati gaji dan segala kemudahan sebagai imbuhan.

"Apa lagi yang mereka mahut? Kita tidak mahu mereka membotot semuanya — kuasa dan kekayaan. Kita juga tidak mahu seorang perdana menteri atau timbalan menteri atau timbalan menteri yang menjadi 'jutawan', tegas beliau lagi.

Perdana Menteri menegaskan bahawa tidak ada tempat bagi orang-orang yang tamak dalam kerajaan. "Kita tidak mahu orang-orang yang hendak merebut semua

lingan dirinya sendiri," tambahnya.

Beliau yang juga Presiden Umno, berkata adalah penting bagi para pemimpin dalam kerajaan memisahkan diri dari semua kegiatan perniagaan kerana mereka mempunyai kuasa-kuasa tertentu.

Andainya mereka menyertai bidang perniagaan, ada kemungkinan mereka akan menyahgunakan kuasa bagi kepentingan diri sendiri, kata beliau lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan para pemimpin dan anggota Umno supaya menjadi teladan kepada orang ramai sebagai dengan hasrat kerajaan melancarkan kempen "Kepimpinan Melalui Teladan.

### Oleh TAJUDDIN SAMAN

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan turut gembira jika lebih ramai jutawan lahir di negara ini kerana dari perniagaan mereka, kerajaan juga mempunyai 'saham' 45 peratus dari bayaran cukai.

### Hakikat

Utuh sebabnya kerajaan tidak bercadang mengamalkan sistem mengambil-alih syarikat-syarikat perniagaan orang lain di negara ini, katanya.

Jika kita lakukan juga, faedahnya cuma sekali sahaja. "Tetapi jika kita menggalakan perniagaan, bermakna kita akan mendapat faedah yang berterusan," tambahnya.

Beliau menyeru semua ahli Umno supaya insaf dan bersyukur atas nikmat yang diterima.

Di samping itu, kata beliau, rakyat juga perlu memahami konsep dan usaha yang kerajaan laksanakan. "Janganlah sebab nila sedikit, roak pulis suya sebelanga," tegasnya.

Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya sedar bahawa tidak semua orang boleh menjadi kaya kerana jika perkara itu berlaku 'se-mua' akan menjadi miskin".

"Hakikat hidup bahawa perbezaan memang wujud hendaklah diterima," tambahnya.

Beliau juga berharap supaya orang-orang kaya jangan terlalu bergantung kepada subsidi kerajaan, sebaliknya berusaha sendiri dalam mengejar kemajuan dan kekayaan.

7/14/83